# LAMPIRAN

# SOAL SELIDIK KAJIAN

## UNIVERSITI MALAYA
## KUALA LUMPUR

SOAL SELIDIK INI BUKAN SATU UJIAN.
ANDA HANYA MEMBACA PERNYATAAN YANG DIBERI DENGAN TELITI.
TIADA JAWAPAN *SALAH ATAU BETUL*.
JAWAPAN ANDA *DIRAHSIAKAN*.
JAWAPAN ANDA *JUJUR DAN IKHLAS*.

KERJASAMA ANDA AMAT DIHARGAI DAN DIUCAPKAN TERIMA KASIH

*( UNTUK PELAJAR )*

## MAKLUMAT DIRI PELAJAR

i) **Tandakan *BULAT* pada pernyataan yang berkaitan dengan diri anda pada nombor yang bersesuaian dengan nombor-nombor berikut :**

1. Jantina :
   1. Lelaki
   2. Perempuan

2. Bilangan adik-beradik termasuk anda
   1. 1-2 orang
   2. 3-4 orang
   3. 5-6 orang
   4. 7-8 orang
   5. lebih 8 orang

3. Bilangan teman karib anda
   1. 0-4 orang
   2. 5-9 orang
   3. 10-14 orang
   4. Lebih 15 orang

4. Kedua ibu bapa anda bekerja
   1. Ya
   2. Tidak

5. Bapa anda bekerja
   1. Kerajaan
   2. Swasta
   Sendiri

6. Kegemaran anda yang utama
   1. Membaca
   2. Menonton tv
   3. Bersukan
   4. Lain-lain :Nyatakan......................

7. Datang ke sekolah dengan
   1. Bas
   2. Kereta
   3. Basikal
   4. Berjalan kaki

8. Minat matapelajaran Pendidikan Islam
   1. Ya
   2. Tidak

9. Tahu menulis jawi
   1. Ya
   2. Tidak

ii) **Tandakan ( / ) pada pernyataan yang berkaitan dan bersesuaian dengan diri anda dalam petak yang disediakan.**

| | Tandakan : ( / ) sahaja. | 4 = Sangat Setuju<br>3 = Setuju<br>2 = Tidak setuju<br>1 = Sangat Tidak Setuju | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **PERKARA** | **4** | **3** | **2** | **1** |
| 01 | Kurikulum Pendidikan Islam yang diajar mampu menjadikan saya berakhlak dan berdisiplin. | | | | |
| 02 | Sukatan pelajaran Pendidikan Islam yang dipelajari akan meningkatkan lagi akhlak dan disiplin diri saya. | | | | |
| 03 | Tajuk-tajuk yang diajar oleh guru Pendidikan Islam banyak membantu saya berakhlak dan berdisiplin. | | | | |
| 04 | Latihan yang diberikan oleh guru banyak membantu saya mendalami aspek akhlak dan disiplin. | | | | |
| 05 | Sekiranya memahami dengan betul segala isi kandungan Pendidikan Islam, saya akan lebih berakhlak dan berdisiplin | | | | |
| 06 | Menghayati kurikulum Pendidikan Islam dapat menjauhkan saya daripada perbuatan tidak bermoral. | | | | |
| 07 | Saya berpendapat,sekiranya memahami kurikulum Pendidikan Islam dengan betul dapat merubah akhlak saya. | | | | |
| | Tandakan : ( / ) sahaja. | 4 = Seringkali<br>3 = Pernah<br>2 = Kadang-Kadang<br>1 = Tidak Pernah | | | |
| | **PEMAHAMAN TENTANG AKHLAK MAHMUDAH (TERPUJI)** | **4** | **3** | **2** | **1** |
| 08 | Saya menghayati akhlak mahmudah (terpuji) dalam kehidupan saya. | | | | |
| 09 | Saya mengikuti kelas P.Islam,hasilnya saya sentiasa beramal ibadah, zikir, berdoa dan rajin bersembahyang. | | | | |
| 10 | Dari pengajaran P.Islam, saya sering beramal dengan sifat benar, rajin, bertawakkal,berhati mulia dan bertimbang rasa. | | | | |
| 11 | Saya amalkan sifat ikhlas, saling membantu, amanah dan bekerjasama dalam kehidupan saya. | | | | |
| 12 | Saya menjauhi sifat-sifat keji seperti sombong, riak, bangga diri, tidak bersyukur dan suka melakukan pembaziran. | | | | |
| 13 | Mengikuti kelas Pendidikan Islam menjauhkan diri saya dari masalah dadah, vandalisme, pergaulan bebas dan merokok | | | | |
| 14 | Saya amalkan akhlak mulia dan sentiasa berdisiplin.Oleh itu saya tidak pernah ditegur oleh guru saya. | | | | |
| 15 | Saya tidak pernah bergaduh, tidak bertegur sapa, mengeji dan mengkhianati kawan saya | | | | |
| 16 | Saya tidak pernah mengeluarkan kata-kata kesat & kotor. | | | | |

| | Tandakan : ( / ) sahaja. | 4 = Seringkali<br>3 = Pernah<br>2 = Kadang-Kadang<br>1 = Tidak Pernah | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 17 | Saya selalu memberi salam bila bertemu guru atau kawan | | | | |
| 18 | Saya selalu membantu guru dan kawan apabila mereka memerlukan pertolongan. | | | | |
| 19 | Saya selalu melakukan sembahyang sunat. | | | | |
| 20 | Saya selalu membaca Al-Quran. | | | | |
| 21 | Saya selalu menegur kawan-kawan saya, apabila melihat mereka melakukan akhlak yang tidak sopan. | | | | |
| | **PEMAHAMAN TENTANG ASPEK DISIPLIN** | 4 | 3 | 2 | 1 |
| 22 | Pernahkah anda diberitahu tentang disiplin oleh guru-guru?. | | | | |
| 23 | Pernahkah anda melanggar disiplin sekolah?. | | | | |
| 24 | Pernahkah anda mendengar tentang disiplin oleh polis?. | | | | |
| 25 | Pernahkah anda baca dan amalkan buku panduan disiplin?. | | | | |
| 26 | Pernahkah anda datang lewat ke sekolah dengan sengaja?. | | | | |
| 27 | Pernahkah anda masuk lewat ke kelas dengan sengaja?. | | | | |
| 28 | Pernahkah anda ponteng perhimpunan mingguan?. | | | | |
| 29 | Saya bersembahyang selepas tamat waktu belajar. | | | | |
| 30 | Saya bersembahyang jamaah dengan keluarga saya. | | | | |
| 31 | Saya berdoa selepas mendengar waktu azan. | | | | |
| 32 | Saya tidak pernah ditegur semasa menduduki peperiksaan. | | | | |
| 33 | Saya bertanggungjawab mengikuti aktiviti ko-kurikulum mengikut masa yang ditetapkan. | | | | |
| 34 | Saya sentiasa berpakaian kemas semasa menghadiri kelas sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak sekolah. | | | | |
| 35 | Saya dilantik sebagai ketua dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum. | | | | |
| | **FAKTOR-FAKTOR LAIN YANG MEMPENGARUHI ANDA MENJADI BERAKHLAK DAN BERDISIPLIN** | 4 | 3 | 2 | 1 |
| | **Tandakan : ( / ) sahaja.** | **4 = Sangat Setuju<br>3 = Setuju<br>2 = Tidak setuju<br>1 = Sangat Tidak Setuju** | | | |
| 36 | Saya yakin guru-guru P.Islam mempunyai akhlak & disiplin yang baik.Oleh itu mendorong saya berakhlak dan berdisiplin. | | | | |
| 37 | Saya suka membaca buku-buku, majalah,artikal tentang akhlak dan disiplin.Sebab itu ianya mempengaruhi hidup saya | | | | |
| 38 | Saya hidup dalam keluarga yang mengamalkan akhlak dan berdisiplin,dengan itu ianya mempengaruhi hidup saya. | | | | |
| 39 | Saya mengikuti ceramah & kursus akhlak dan disiplin, ianya membantu saya menjadi berakhlak dan berdisiplin. | | | | |
| 40 | Saya mengikuti aktiviti keagamaan yang diadakan di sekolah, ianya membantu saya berakhlak dan berdisiplin. | | | | |
| 41 | Saya suka mengikuti al-Kulliyyah, Forum Perdana Ehwal Islam, ianya membantu saya dalam aspek akhlak dan disiplin. | | | | |

| | Tandakan : ( / ) sahaja. | 4 = Sangat Setuju<br>3 = Setuju<br>2 = Tidak setuju<br>1 = Sangat Tidak Setuju | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 42 | Pembelajaran P.Islam peringkat menengah/rendah banyak membantu saya memahami tentang akhlak dan disiplin. | | | | |
| 43 | Kesan pembelajaran P.Islam sekarang, semakin bertambah pengetahuan saya tentang sifat-sifat akhlak dan berdisiplin. | | | | |
| 44 | Kesan penghayatan dari aktiviti Pendidikan Islam sekarang, telah banyak membawa perubahan dalam hidup saya. | | | | |
| 45 | Saya yakin semua guru Pendidikan Islam berakhlak dan berdisiplin yang perlu dicontohi / diteladani . | | | | |
| 46 | Saya yakin bahawa hasil pemahaman saya tentang P.Islam, saya mampu berhadapan dengan masalah masyarakat. | | | | |
| 47 | Pembelajaran P.Islam amat mudah untuk saya praktikkan dalam hidup saya terutama dalam berakhlak dan berdisiplin. | | | | |
| 48 | Saya yakin bahawa diri saya ini mampu menjadi contoh teladan yang baik kepada kawan-kawan dan keluarga saya. | | | | |

*( UNTUK GURU )*

# SOAL SELIDIK KAJIAN

### *TAJUK : KEBERKESANAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM KBSM TERHADAP AKHLAK DAN DISIPLIN PELAJAR. SATU KAJIAN DI SEK. MEN. KEB. DI DAERAH PETALING, SELANGOR.*

**Assalamualaikum wm. wbrt.**
**Guru-guru yang dihormati sekalian,**

Soal selidik kajian ini adalah untuk mengetahui sejauhmanakah *Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM Terhadap Akhlak Dan Disiplin Pelajar*. Ustaz/Ustazah/Encik/Puan/Cik diharapkan agar dapat memberi jawapan seikhlasnya bagi menjayakan kajian penyelidikan ini.Semua jawapan adalah ***SULIT*** dan ***RAHSIA***. Tandakan **( / )** pada ruangan yang disediakan dengan ***satu jawapan*** sahaja.**Terima kasih** atas sumbangan usaha, masa, pandangan dan kerjasama Ustaz/Ustazah/Encik/Puan/Cik, semoga ianya diredhai Allah SWT.

| | **Tandakan : ( / ) sahaja.** | **4 = Sangat setuju**<br>**3 = Setuju**<br>**2 = Tidak setuju**<br>**1 = Sangat Tidak Setuju** | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **PERKARA** | | | | |
| | **PERSOALAN TENTANG KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM** | **4** | **3** | **2** | **1** |
| 01 | Saya berpendapat isi kandungan kurikulum Pendidikan Islam sudah mencakupi semua aspek kehidupan. | | | | |
| 02 | Saya berpendapat kurikulum Pendidikan Islam mampu mendidik pelajar lebih berakhlak dan berdisiplin. | | | | |
| 03 | Kurikulum Pendidikan Islam mampu merubah setiap kesalahan akhlak dan disiplin pelajar. | | | | |
| 04 | Pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam perlu diberi penekanan tentang akhlak dan disiplin pelajar. | | | | |
| 05 | Penerangan guru tentang sifat mahmudah dan mazmumah perlu diberikan penerangan sejelas-jelasnya. | | | | |
| 06 | Saya dapati pelajar sekolah ini masih kabur tentang sifat-sifat mahmudah dan sifat-sifat mazmumah. | | | | |
| | **PERSOALAN TENTANG AKHLAK** | **4** | **3** | **2** | **1** |
| 07 | Saya berpandangan bahawa pelajar yang mempelajari Pend.Islam lebih berakhlak dari pelajar lain. | | | | |
| 08 | Saya berpendapat pelajar P.Islam kurang bertanggungjawab menyiapkan latihan dan tugasan yang diberikan. | | | | |
| 09 | Sebahagian pelajar Pendidikan Islam bersifat sombong, riak, dan takabbur dalam kehidupan mereka. | | | | |
| 10 | Ada didapati dikalangan pelajar Pendidikan Islam bergaul bebas dalam kehidupan mereka. | | | | |
| 11 | Saya berpendapat bahawa tingkah laku pelajar P.Islam perlu diberi teguran kerana sikap mereka tidak berakhlak. | | | | |
| 12 | Guru-guru Pendidikan Islam sudah memberi pendedahan tentang aspek akhlak kepada para pelajar. | | | | |
| 13 | Pelajar di sekolah ini sentiasa didedahkan/dipraktikkan dengan kepentingan hidup berakhlak mulia. | | | | |

| | Tandakan : ( / ) sahaja. | 4 = Sangat Setuju<br>3 = Setuju<br>2 = Tidak Setuju<br>1 = Sangat Tidak Setuju | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 14 | Saya berkeyakinan bahawa kehidupan pelajar di rumah banyak membantu mereka hidup berakhlak mulia. | | | | |
| | **PERSOALAN TENTANG DISIPLIN** | 4 | 3 | 2 | 1 |
| 15 | Saya yakin pelajar belum memahami tentang konsep disiplin yang sebenar. | | | | |
| 16 | Saya berpendapat bahawa pelajar sekolah ini perlu diberi penekanan yang lebih dalam aspek disiplin. | | | | |
| 17 | Saya tidak yakin pelajar telah membaca buku peraturan disiplin sekolah dan menghayatinya. | | | | |
| 18 | Pelajar tidak memberi tumpuan yang sepenuhnya semasa pembelajaran Pendidikan Islam. | | | | |
| 19 | Pelajar memasuki kelas Pendidikan Islam tidak mengikut masa yang ditetapkan. | | | | |
| 20 | Pelajar Pendidikan Islam sentiasa berpakaian menutup aurat di dalam kehidupan mereka di sekolah ini. | | | | |
| 21 | Para pelajar sentiasa diingatkan tentang kepentingan disiplin dalam kehidupan mereka di luar sekolah. | | | | |
| 22 | Peringatan yang berulangkali tentang disiplin banyak membantu para pelajar menjadi lebih berdisiplin. | | | | |
| 23 | Saya yakin bahawa pelajar Pendidikan Islam boleh menjadi contoh kepada pelajar lain dalam aspek disiplin. | | | | |
| 24 | Saya yakin bahawa semua guru Pendidikan Islam sangat berakhlak dan berdisiplin. | | | | |
| | **PERSOALAN SEMASA TENTANG AKHLAK DAN DISIPLIN** | 4 | 3 | 2 | 1 |
| 25 | Saya berpendapat bahawa pelajar sekolah ini sangat meminati program,seminar dan ceramah kerohanian. | | | | |
| 26 | Saya berpendapat bahawa kebanyakan kegiatan ko-kurikulum Pendidikan Islam sangat diminati pelajar. | | | | |
| 27 | Saya dapati bahawa pelajar sekolah ini selalu solat berjamaah di sekolah. | | | | |
| 28 | Saya berpendapat bahawa perlakuan akhlak dan disiplin pelajar , juga mendapat asuhan dari keluarga mereka. | | | | |
| 29 | Hasil dari Program Khemah Ibadah yang dianjurkan, kebanyakan akhlak dan disiplin pelajar semakin baik. | | | | |
| 30 | Hasil dari penghayatan kurikulum Pendidikan Islam secara amali, pelajar semakin berakhlak dan berdisiplin. | | | | |
| 31 | Permasalahan akhlak dan disiplin pelajar banyak membawa tekanan dan bebanan tugas kepada guru Pendidikan Islam | | | | |
| 32 | Skop kurikulum Pendidikan Islam perlu diperluaskan mencakupi isu-isu akhlak dan disiplin semasa. | | | | |
| 33 | Pendidikan akhlak dan disiplin di sekolah tidak mencukupi tanpa didikan akhlak dan disiplin di rumah. | | | | |
| 34 | Banyak aktiviti berkaitan dengan kurikulum Pend. Islam terutamanya hari kebesaran Islam dianjurkan di sekolah ini. | | | | |
| 35 | Sepanjang pengetahuan saya, pelajar P.Islam tidak pernah terlibat dengan isu-isu moral seperti dadah,vandalisme dll. | | | | |

## SOAL SELIDIK KAJIAN
## LATAR BELAKANG GURU

**Arahan :**

**Sila tandakan jawapan Ustaz / Ustazah / Encik / Puan / Cik dengan tanda ( / ) pada ruangan yang disediakan [ ].**

1. Jantina : [ ] Lelaki
   [ ] Perempuan

2. Umur : [ ] 20-30 tahun
   [ ] 31-40 tahun
   [ ] 41-45 tahun
   [ ] 46-50 tahun
   [ ] 51-55 tahun

3. Bangsa : [ ] Melayu
   [ ] Cina
   [ ] India
   [ ] Lain-Lain
   } Islam

4. Kelulusan Akademik Tertinggi: [ ] STPM / Diploma
   [ ] Ijazah Sarjana Muda
   [ ] Ijazah Sarjana
   [ ] Lain-Lain

5. Lama Berkhidmat Sebagai Guru : [ ] 00-05 tahun
   [ ] 06-15 tahun
   [ ] 16-25 tahun
   [ ] 26-35 tahun

6. Lama Berkhidmat Di Sekolah Ini : [ ] 00-05 tahun
   [ ] 06-10 tahun
   [ ] 11-15 tahun
   [ ] 16-20 tahun

7. Jawatan Dipegang Sekarang : [ ] Guru Kanan / Guru Pakar
   [ ] Ketua Panitia
   [ ] Guru Disiplin / Warden Asrama
   [ ] Guru Tingkatan
   [ ] Lain-Lain

8. Mengajar Dalam Mata Pelajaran : [ ] Pendidikan Islam
   [ ] Bukan Pendidikan Islam

# TINGKATAN 1

## 1.0 Tilawah Al-Quran

### 1.1 Objektif

Setelah mempelajari Tilawah Al-Quran Tingkatan I, pelajar dapat:

- membaca ayat-ayat Al-Quran dengan tartil;
- menghafaz ayat-ayat tertentu daripada Surah Al-Baqarah mengikut bacaan tadwir; dan
- memahami tafsiran, hikmat, dan pengajaran ayat-ayat Al-Quran serta menghayatinya.

### 1.2 Isi

a. Ayat Bacaan: Ayat 1 hingga 286 Surah Al-Baqarah.

b. Ayat Hafazan: Ayat 1 hingga 5, 201, 255, 256, 284, 285 dan 286 Surah Al- Baqarah.

c. Ayat Kefahaman: Ayat 1 hingga 5, 34 hingga 37; ayat 83, 155 hingga 156, 168, 201, 219, 255, 256, 282, 284, 285 dan 286 Surah Al-Baqarah.

## 2.0 Ulum Syar 'iyah

### 2.1 Aqidah

#### 2.1.1 Objektif

Setelah mempelajari aqidah Tingkatan I pelajar dapat:

a. memahami konsep aqidah;

b. mempertingkat dan memantapkan aqidah Islamiah;

c. memahami rukun-rukun iman yang menjadi asas aqidah Islamiah; dan

d. menyakini serta menghayati rukun-rukun iman.

#### 2.1.2 Isi

a. Konsep aqidah

b. Asas-Asas aqidah Islamiah

c. Aqidah berteraskan rukun iman, dan

d. Dalil aqli tentang kewujudan Allah berdasarkan dalil naqli dan alam syahadah.

## 2.2 Ibadat

### 2.2.1 Objektif

Setelah mempelajari ibadat Tingkatan I, pelajar dapat:

a. memahami konsep dan cara-cara bersuci mengikut hukum syarak serta mengamalkannya dengan sempurna;

b. memahami kepentingan solat fardu, solat sunat serta dapat mengamalkannya dengan sempurna; dan

c. memahami kewajipan puasa serta dapat mengamalkannya dengan sempurna.

### 2.2.2 Isi:

a. Bersuci:

i) Konsep bersuci dan maananya.

ii) Bersuci daripada najis, cara dan hikmatnya.

iii) Intinjak.

iv) Wuduk dan hikmatnya

v) Tayammum dan kaifiat serta hikmatnya, dan

vii) Sertu dan samak serta cara-cara melakukannya.

b. Kesan bersuci dalam kehidupan individu dan masyarakat.

c. Solat:

i) Solat fardu kewajipan dan hikmatnya.

ii) Solat berjamaah dan kepentingannya.

iii) Solat sunat rawatib dan sunat tahiyyatul masjid cara-cara mengamalkan dan kepentingannya.

d. Puasa:

i) Puasa, kewajipan dan hikmatnya

ii) Jenis puasa.

2.3 Sirah Nabawiyah dan Tamadun Islam

2.3.1 Objektif:

Setelah mempelajari Sirah Nabawiyah dan Tamadun Islam Tingkatan I, pelajar dapat:

a. memahami konsep sirah Nabawiyah dan Tamadun Islam;

b. memahami dan meneladani Sirah Rasulullah S.A.W. dalam menegakkan agama Allah S.W.T. di Makkah Al-Mukarramah;

c. mengenali tokoh-tokoh yang terkemuka dan berjasa pada zaman awal Islam, menghargai dan mencontohi perjuangan; dan

d. sumbangan tokoh-tokoh berkenaan dalam tamadun Islam.

2.3.2. Isi:

a. Konsep keimanan kepada Rasul.

b. Perjuangan Nabi Muhammada S.A.W. di Makkah Al-Mukarramah dalam menegakkan aqidah Islamiah.

c. Semangat dan perjuangan tokoh-tokoh berikut dalam menegakkan perjuangan Islam di Mekah:

i) Khadijah binti Khuwailid r.a.

ii) Abu Bakar As-Siddiq r.a.

iii) Sumaiyah r.a.

iv) Bilal bin Rabah r.a.

**3.0 Akhlak Islamiah**

3.1 Objektif

Setelah mengikuti Pendidikan Akhlak Islamiah di sekolah menengah pelajar boleh:

a. menyedari dan memahami asas akhlak Islamiah yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah;

b. menyatakan sebab dalam membuat sesuatu keputusan dan tindakan berdasarkan syariat Islam;

c. menyedari dan memahami serta dapat membezakakn di antara kelakuan yang mulia dengan kelakuan buruk yang menjadi amalan masyarakat Malaysia;

d. menghayati nilai murni dan sifat mahmudah dalam kehidupan harian; dan

e. mengamatkan akhlak Islamiah dalam kehidupan harian.

3.2 Isi

a. Asas Akhlak Islamiah berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

b. Falsafah, makna, hikmah dan fadhilat setiap amalan baik yang dilakukan.

c. Perbezaan di antara yang baik dengan yang buruk, bahagia dengan sengsara, mulia dengan hina, benar dengan salah dan terpuji dengan keji.

d. Penghayatan nilai murni dan sifat-sifat mahmudah dalam kehidupan harian.

e. Perilaku mulia dan beradab berdasarkan nilai-nilai dalam Lampiran 'A'

# LAMPIRAN "A"

## Senarai Nilai-Nilai Murni/ Sifat-Sifat Mahmudah

### 1.0 HIKMAH

Berpengetahuan luas dan bijaksana bertindak berlandaskan Al-Quran, Al-Sunnah dan alam Syahadah' serta dapat memberi alasan yang munasabah dan bukti yang sesuai.

1.1 Rasional

Boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata, mampu membuat pertimbangan, keputusan dan tindakan dengan cepat dan tepat berlandaskan ilmu naqli dan aqli.

1.2 Celik akal

Pintar, cerdas dan berkemampuan memahami serta manaakul sesuatu dengan cepat dan tepat.

1.3 Maarifah

Pengetahuan yakin dan pengalaman yang membolehkan sesaorang menjelas dan mengamalkan prinsip dan asas-asas Islam.

1.4 Bercakap benar

Melahirkan kata-kata yang bemas, betul, dan jitu serta bertepatan dengan prinsip-prinsip Islam secara berhikmah untuk faedah semua.

1.5 Menegakkan kebenaran

Yakin dan berpegang teguh kepada kebenaran serta sentiasa menegakkan kebenaran dengan hikmah.

1.6 Kesyukuran

Perasaan, ucapan dan perlakuan yang dilahirkan dengan ikhlas terhadap segala nikmat kurniaan Allah S.W.T, sabar dan redha menerima ketentuan dan dugaanNya' serta berterima kasih terhadap sumbangan dan khidmat bakti yang diperolehi.

1.7 Takutkan Allah S.W.T.

Perasaan takut dan kagum akan kehebatan Allah S.W.T. yang mendorong sesaorang melakukan ketaatan dan meninggalkan larangannya.

1.8 Kerajinan

Usaha berterusan dengan penuh semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan daya usaha dalam melakukan sesuatu perkara untuk mencapai kecemerlangan.

1.9 Prihatin

Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat, menyedari masalah masyarakatk dan sedia berusaha menyelesaikannya.

1.10 Berketerampilan

Mempunyai kemahiran yang menyeluruh dalam berbagai-bagai bidang khasnya kebolehan berfikir, kemahiran belajar dan merekacipta.

**2.0 'ADAALAH**

Keadaan di mana sesuatu perkara itu diletakkan di tempatnya yang sebenar mengikut syariah Islamiah.

2.1 Kasih sayang

Perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam serta berkekalan, lahir daripada hati yang rela terhadap sesuatu berteraskan prinsip Islam.

2.2 Silaturrahim

Jalinan persaudaraan menghubungkan kaksih sayang berdasarkan pertalian nasab, musaharah, keagamaan, kejiranan dan kemanusiaan.

2.3 Berterima kasih

Pengiktirafan, penghargaan dan ganjaran yang diberikan sebagai mengenang dan membalas sesuatu sumbangan dan jasa.

2.4 Baik pertimbangan

Membuat pertimbangan yang wajar untuk menghasilkan keputusan saksama serta tidak menimbulkan sebarang penyesalan dan ungkitan.

2.5 Toleransi

Sanggup bertolak ansur, sabar dan dapat mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya perselisehan dan pertelingkahan.

2.6 Saling bermaafan

Sanggup meminta dan memberi maaf bahkan membalas keburukan dengan kebaikan.

2.7 Bermarwah

Menghiasi diri dengan budipekerti yang mulia melalui tuturkata' tingkah laku, pakaian dan pergaulan.

2.8 Ibadah

Mengabdikan diri kepada Allah S.W.T dengan cara menjunjung segala perintah dan menjauhi laranganNya.

2.9 Sensitif kepada kezaliman

Sanggup tampil membela makhluk yang dihina, teraniaya dan dizalimi.

2.10 Kejujuran

Sikap dan perlakuan yang menunjukkan niat yang baik, amanah dan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang balasan.

2.11 Kerjasama

Usaha yang baik dan membina yang dilakukan oleh individu pada peringkat keluarga, komuniti dan masyarakat untuk menegakkan yang maaruf dan mencegah yang mungkar.

2.12 Semangat bermasyarakat

Kesediaan melakukan sesuatu dengan semangat kekitaan untuk kepentingan bersama bagi mewujudkakn keharmonian hidup bermasyarakat.

2.13 Bermuafakat

Mengutamakan persetujuan dan kerjasama dalam sesuatu pekerjaan yang baik.

## 3.0 IFFAH

Mengawal nafsu daripada perkara-perkara yang haram dan syubhah, supaya ianya terdidik ke arah melaksanakan perkara-perkara yang ma'arof serta sentiasa tunduk kepada petunjuk akal dan syarak.

3.1 Malu

Perasaan 'aib, hina dan rendah diri kepada Allah S.W.T., manusia dan diri sendiri kerana membuat sesuatu yang keji dan dilarang Allah.

3.2 Kesopanan

Bersikap tenang, berbudi bahasa, berbudi pekerti dan bersopan santun dalam pergaulan.

3.3 Sabah

Tenang, tabah, redha dan ikhlas dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan serta sentiasa berusaha mengatasinya.

3.4 Baik hati

Sentiasa mengambil berat tentang kebajikan orang lain dan memahami perasaan mereka secara tulus ikhlas dan ihsan.

3.5 Murah hati

Sedia memberi bantuan seca ikhlas dan ihsan kepada mereka yang memerlukan sama ada dalam bentuk kebendaan dan sokongan moral.

3.6 Kebebasan

Merasa tidak terkongkong melakukan sesuatu dengan penuh tanggungjawab berdasarkan peraturan syarak, norma masyarakat dan undang-undang negara.

3.7 Qana'ah

Redha dengan ketentuan Allah S.W.T., tenang menghadapi cabaran, sentiasa berusaha, dan tidak mudah berputus asa.

3.8 Berdisplin

Mengenal diri dengan cara menerima dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditentukan tanpa mengira di mana ia berada.

3.9 Daya usaha

Berusaha untuk menyempurnakan diri dengan penuh azam dan semangat inisiatif, keriatif dan inovatif berlandaskan petunjuk Allah S.W.T.

3.10 Sejahtera

Jiwa yang tenteram dan tenang serta tidak menyakiti orang lain hasil daripada keupayaan mengawal hawa nafsu.

3.11 Wara'

Menjauhkan diri daripada perkara-perkara syubhah, haram dan beriltizam melakukan kerja-kerja yang baik.

3.12 Wasatiyah

Sikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan

sama ada dalam pemikiran, peraturan atau perlakuan supaya sesuai dengan agama, norma dan nilai masyarakat.

3.13 Kebersihan

Menjaga kebersihan rohani, jasmani dan mental serta alam sekitar bagi menjamin kesejahteraan hidup.

a. Kebersihan diri

Kebersihan diri dan tubuh badan daripada hadas, kekotoran dan najis untuk menjamin kesejahteraan hidup dan amal ibadat diterima Allah S.W.T.

b. Kebersihan persekitaran

Memelihara alam sekeliling supaya rapi dan bebas daripada kekotoran dan pencemaran.

c. Kebersihan mental

Pertuturan dan perlakuan yang terpuji yang perlu diamalkan oleh seseorang dalam hubungannya dengan orang lain.

d. Kebersihan rohani

Pemikiran, pertuturan dan perlakuan serta amalan yang bersih dari sebarang kepercayaan karut dan khurafat terhadap Allah S.W.T.

3.14 Menghargai masa

Mengisi masa secara berfaedah dengan menepati waktu dan menyegerakan sesuatu tugasan.

a. Menepati waktu

Melakukan sesuatu tepat pada waktunya atau selaras dengan jadual yang ditetapkan.

b. Bijak mengurus masa

Tahu menyusun kerja mengikut keutamaan dan keperluan serta melaksanakannya dengan cepat dan tepat.

3.15 Dedikasi

Berminat dan rela mengorbankkan masa dan tenaga dalam melakukan sesuatu perkara yang berfaedah.

**4.0 SYAJAAH**

Sanggup berjuang dengan penuh kesabaran mempertahankan agama, diri, akal, keturunan, harta benda, negara, maarwah dengan kekuatan fikiran, harta benda, tenaga dan jiwa.

4.1 Berjiwa besar

Sentiasa meningkatkan kebolehan diri, berwawasan, sanggup menghadapi resiko dan bersedia memikul tanggungjawab dengan tabah dan yakin.

4.2 Yakin diri

Kemampuan menghadapi dan menyelesaikan masalah serta boleh menjelaskan prinsip dan asas-asas dalam perkara yang berkaitan dengan syariat Islam berdasarkan dalil naqli dan aqli.

4.3 Hemah tinggi

Sentiasa bersedia melakukan segala amalan yang baik dengan penuh iltizam dan ikhlas ke arah kecemerlangan walaupun terpaksa menghadapi rintangan.

4.4 Tetap pendirian

Meyakini kebenaran dan berpegang teguh kepadanya dalam membuat sebarang keputusan dan tindakan.

4.5 Istiqamah

Tekal, tepat, tetap dan berterusan dalam mengerjakan sesuatu yang baik.

4.6 Berani mencuba

Berani mencuba dan sanggup melakukan sesuatu yang mencabar dengan penuh kreatif dan inovatif yang tidak bertentangan dengan syarak.

4.7 Tahan lasak

Mempunyai ketahanan fizikal dan mental serta semangat juang yang tinggi hasil daripada yang latihan yang intensif dan sistematik.

4.8 Berdikari

Kesanggupan dan kebolehan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain selaras dengan peraturan dengan peraturan, undang-undang dan agama.

a. Berupaya bertindak sendiri

Sanggup dan boleh melakukan sesuatu tanpa mengharapkan orang lain.

b. Yakin kepada diri sendiri

Percaya kepada kebolehan diri sendiri dan sanggup bertindak.

c. Nasihat menasihati

Sedia memberi dan menerima nasihat dengan ikhlas dan sabar.

4.9 Berani berjihad

Sentiasa bersedia dan sanggup berjuang untuk mempertahankan agama, negara, keluarga dan diri serta kehormatan walaupun terpaksa mempertaruhkan nyawa daripada ancaman musuh dan godaan syaitan.

# TINGKATAN 2

## 1.0 Tilawah Al-Quran

### 1.1 Objektif:

Setelah mempelajari Tilawah al-Quran Tingkatan 2, pelajar dapat

a. membaca ayat-ayat Al-Quran dengan bacaan tartil;

b. menghafaz ayat-ayat yang tertentu daripada Surah Ali Imran mengikut bacaan tadwir; dan

c. memahami tafsiran, hikmat, pengajaran dan menghayati ayat-ayat Al-Quran.

### 1.2 Isi:

a. Ayat Bacaan: Surah Ali Imran ayat 1 hingga 200

b. Ayat Hafazan: Surah Ali Imran ayat 8, 18, 26 dan 27

c. Ayat Kefahaman: Surah Ali Imran ayat 8, 18, 26, 27, 103, 110, 133 hingga 136 dan 159.

## 2.0 Ulum Syar'iyah

### 2.1 Aqidah:

#### 2.1.1 Objektif:

Setelah mempelajari aqidah Tingkatan 2, pelajar dapat:

a. bertaabud dan bertaqarrub kepada Allah S.W.T.;

b. menghayati sifat mahabbah, rahmah, sakinah dan mawaddah dalam kehidupan bermasyarakat; dan

c. memanifestasikan rukun iman dalam kehidupan harian.

#### 2.1.2 Isi:

a. Sifat-sifat Allah S.W.T. Yang Maha Esa, Maha Pengasih Maha Penyayang, Maha Bijaksana, Maha Mengetahui, dan Maha Adil.

b. Dalil naqli dan aqli yang menunjukkan bahawa Allah S.W.T. Maha Esa, Maha Pengasih, Maha Penyayang, Maha bijaksana, maha Mengetahui dan Maha Adil.

c. Kesan-kesan keimanan kepada Allah S.W.T. Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang dan Maha Bijaksana dalam realiti kehidupan seperti kasih sayang kepada ibubapa, homrat kepada jiran, hormat kepada guru, dan lain-lain.

d. Keimanan kepada malaikat

i) Hakikat malaikat

ii) Tugas-tugas malaikat

iii) Kesan dan implikasi percaya kepada Malaikat

e. Keimanan kepada kitab-kitab suci yang diturunkan oleh Allah S.W.T.

i) Kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah S.W.T. dan tujuannya.

ii) Al-Quran sebagai mukjizat yang dijamin ketulenan isi kandungannya.

iii) Al-Quran sebagai bacaan dan panduan hidup seharian.

## 2.2 Ibadat

### 2.2.1 Objektif:

Setelah mempelajari Ibadat Tingkakt 2, pelajar dapat:

a. memahami kewajipan dan kepentingan solat Jumaat, jamak, qasar dan mengamalkannya dengan sempurna.

b. memahami kewajipan puasa, serta menghayati bulan Ramadan; dan

c. memahami kewajipan zakat fitrah.

### 2.2.2 Isi:

a. Solat Jumaat:

i) Konsep Jumaat.

ii) Syarat wajib, sah, serta cara mengamalkannya.

iii) Rukun Khutbah Jumaat.

iv) Adab Makmum.

b. Solat Jamak dan Qasar:

i) Konsep solat jamak dan qasae.

ii) Memahami dan menghargai solat jamak dan qasar.

iii) Hikmat, syarat-syarat dan kaifiatnya.

c. Puasa:

i) Konsep puasa.

ii) Syarat wajib, rukun, perkara yang membatalkan, sunat dan maksuh.

iii) Orang yang harus berbuka puasa.

iv) Qada dan fidyah puasa.

v) Penghayatan bulan Ramadan.

d. Zakat fitrah:

i) Konsep zakat fitrah.

ii) Syarat wajib zakat fitrah.

iii) Waktu mengeluar zakat fitrah.

iv) Hikmat zakat fitrah.

2.3 Sirah Nabawiyah dan Tamadun Islam

2.3.1 Objektif

Setelah mempelajari Sirah Nabawiyah dan Tamadun Islam Tingkatan 2; pelajar dapat:

a. memahami faktor kejayaan dakwah Rasulullah S.A.W. di Mekah;

b. meneladani dan mengambil iktibar peristiwa Hijrah Rasulullah S.A.W. ke Madinah, dan

c. mengenali tokoh-tokoh sahabat terkemuka yang memberi sumbangan kepada kejayaan Islam.

2.3.2 Isi:

a. Faktor-faktor kejayaan dakwah Islamiah Rasulullah S.A.W. di Mekah.

b. Hijrah Rasulullah S.A.W. ke Madinah dan pengajaran yang diperolehi.

c. Semangat perjuangan tokoh:

i) Sayyidina Omar Al-Khattab r.a.

ii) Osman bin Affan r.a.

iii) Ali bin Abi Talib k.w.

iv) Hamzah bin Abd. Mutalib

**3.0 Akhlak Islamiah**

3.1 Objektif:

Setelah mengikuti Pendidikan Akhlak Islamiah di sekolah menengah pelajar boleh:

a. menyedari dan memahami asas akhlak Islamiah yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah;

b. menyatakan sebab dalam membuat sesuatu keputusan dan tindakan berdasarkan syariat Islam;

c. menyedari dan memahami serta dapat membezakan di antara kelakuan yang mulia dengan kelakuan buruk yang menjadi amalan masyarakat Malaysia;

d. menghayati nilai murni dan sifat mahmudah dalam kehidupan harian; dan

e. mengamalkan akhlak Islamiah dalam kehidupan harian.

3.2 Isi:

a. Asas Akhlak Islamiah berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

b. Falsafah, makna, hikmah dan fadhilat setiap amalan baik yang dilakukan.

c. Perbezaan di antara yang baik dengan yang buruk, bahagia dengan sengsara, mulia dengan hina, benar dengan salah dan terpuji dengan keji.

d. Penghayatan nilai murni dan sifat-sifat mahmudah dalam kehidupan harian.

e. Perilaku mulia dan beradab berdasarkan nilai-nilai dalam Lampiran 'A'

# TINGKATAN 3

## 1.0 Tilawah Al-Quran

### 1.1 Objektif

Setelah mempelajari Tilawah Al-Quran Tingkatan 3; pelajar dapat:

a. membaca ayat-ayat Al-Quran dengan bacaan tartil;

b. menghafaz ayat-ayat tertentu, daripada surah Al-A'raaf dan surah Al-Jumu 'ah mengikut bacaan tadwir, dan

c. memahami pengertian, hikmat, pengajaran ayat-ayat di atas dan menghayatinya.

### 1.2 Isi

a. Ayat Bacaan:

i) Surah Al-A'raaf, ayat 1 hingga 87; dan

ii) Surah Al-Jumu'ah, ayat 1 hingga 11;

b. Ayat Hafazan:

i) Surah Al-A'raaf, ayat 23.

ii) Surah Al-Jumu 'ah, ayat 9, 10 dan 11.

## 2.0 Ulum Syar'iyah

### 2.1 Aqidah

#### 2.1.1 Objektif

Setelah mempelajari aqidah Tingkatan 3, pelajar dapat:

a. memperkukuhkan keyakinan terhadap Rasul, hari akhirat, qada dan qadar serta merasai kesannya dalam kehidupan harian;

b. meneladani Rasulullah S.A.W. sebagai uswah dan qudwah hasanah;

c. melaksanakan amalan soleh untuk menghadapi hari akhirat;

d. redha dengan qada dan qadar Allah S.W.T.

2.1.2 Isi

a. Keimanan terhadap Rasul:

i) Mentaati rasul bererti mentaati Allah S.W.T.

ii) Rasul-Rasul yang wajib diketahui dan sejarahnya secara ringkas.

iii) Sifat-sifat para rasul.

iv) Kesan-kesan keimanan kepada rasul.

v) Keimanan terhadap ismaturrasul.

b. Keimanan terhadap Hari Akhirat:

i) Ajal manusia, nikmat dan siksa kubur.

ii) Hari kiamat, dalil, dosa, pahala, mahsyar, hisab mizan, sirat, syurga dan neraka serta dalil-dalilnya.

iii) Persediaan menghadapi hari kiamat.

iv) Kesan keimanan terhadap hari kiamat.

c. Keimanan kepada qada dan qadar:

i) Qada dan qadar serta hikmat

ii) Kefahaman yang betul mengenai konsep ikhtiar, tawakkal dan af'alul ibad serta hubungannya dengan qada dan qadar.

2.3 Ibadat:

2.3.1 Objektif:

Setelah mempelajari ibadat Tingkatan 3, pelajar dapat:

a. memahami cara mengamalkan solat ketika sakit, solat jenazah, solat hjat; dan

b. memahami kewajipan zakat harta benda.

2.3.2 Isi:

a. Ibadat

i) ibadat ketika sakit.

ii) Kewajipan mengerjakan solat ketika sakit dan kaifiatnya.

iii) Keajipan solalt jenazah dan kaifiatnya.

iv) Solat hajat.

b. Zakat

i) Konsep zakat.

ii) Jenis harta yang diwajibkan zakat dan kaifiatnya.

iii) Zakat dan hikmatnya.

iv) Asnaf zakat.

v) Institusi pengurusan zakat di Malaysia.

2.4 Sirah Nabawiyah dan Tamadun Islam

2.4.1 Objektif:

Setelah mempelajari Sirah Nabawiyah dan Tamadun Islam Tingkatan 3; pelajar dapat:

a. memahami dan mencontohi Rasulullah S.A.W. sebagai pemimpin di Madinah.

b. memahami strategi perjuangan Rasulullah S.A.W. sehingga membawa kepada Fathu Makkah.

c. memahami dan mencontohi keperibadian agung Rasulullah S.A.W. sebagai pemimpin agung; dan

d. mengenali tokoh-tokoh sahabat terkemuka yang memberi sumbangan besar kepada kejayaan Islam.

2.4.2 Isi:

a. Kepimpinan Rasulullah S.A.W. dalam:

i) Pembinaan masjid dan pembentukan negara.

ii) Persaudaraan masyarakat Islam (Muhajirin dan

Ansar).

iii) Pembentukan masyarakat Madinah (piagam Madinah).

iv) Perjanjian Hudaibiyah.

b. Pembukaan mekah.

c. Semangat dan perjuangan tokoh-tokoh Islam.

i) Abu Hurairah r.a.

ii) Abd. Rahman bin Auf r.a.

iii) Aishah binti Abu Bakar r.a.

iv) Khalid bin Al-Walid r.a.

v) Fatimah Al-Zahra' r.a.

**3.0 Akhlak Islamiah**

3.1 Objektif:

Setelah mengikuti Pendidikan Akhlak Islamiah di sekolah menengah pelajar boleh:

a. menyedari dan memahami asas akhlak Islamiah yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah;

b. menyatakan sebab dalam membuat sesuatu keputusan dan tindakan berdasarkan syariat Islam.

c. menyedari dan memahami serta dapat membezakan di antara kelakuan yang mulia dengan kelakuan buruk yang menjadi amalan masyarakat Malaysia;

d. menghayati nilai murni dan sifat mahmudah dalam kehidupan harian; dan

e. mengamalkan akhlak Islamiah dalam kehidupan harian.

3.2 Isi:

a. Asas Akhlak Islamiah berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

b. Falsafah, makna, hikmah dan fadhilat setiap amalan baik yang dilakukan.

c. Perbezaan di antara yang baik dengan yang buruk, bahagia dengar

sengsara, mulia dengan hina, benar dengan salah dan terpuji dengan keji.

d. Penghayatan nilai murni dan sifat-sifat mahmudah dalam kehidupan harian.

e. Perilaku mulia dan beradab berdasarkan nilai-nilai dalam Lampiran 'A'.

# TINGKATAN 4

## 1.0 Tilawah Al-Quran

### 1.1 Objektif

Setelah mempelajari Tilawah Al-Quran Tingkatan 4, pelajar dapat

a. membaca ayat-ayat Al-Quran dengan tartil;

b. menghafaz ayat-ayat tertentu daripada surah Al-An'am, surah Al- Mukminun dan surah Luqman dengan bacaan tadwir; dan

c. memahami pengertian, hikmat, pengajaran ayat-ayat tertentu dan menghayatinya.

### 1.2 Isi

a. Ayat Bacaan:

i) Surah Al-An'am, ayat 1-165;

ii) Surah Al-Mu'minun, ayat 1 - 35;

iii) Surah Luqman, ayat 1 - 21.

b. Ayat Hafazan:

i) Surah Al-An'am, ayat 162 - 163

ii) Surah Al-Mu'minun, ayat 1 - 11,

iii) Surah Luqman, ayat 12 - 19.

c. Ayat Kefahaman:

i) Surah Al-An'am, ayat 6, 50, 70, 125 dan 161 hingga 165.

ii) Surah Al-Mu'minum, ayat 1 - 11,

iii) Surah Luqman, ayat 12 - 19.

## 2.0 Ulum Syar'iyah

### 2.1 Aqidah:

2.1.2 Objektif:

Setelah mempelajari aqidah Tingkatan 4, pelajar dapat:

a. memahami perkara-perkara yang membatal dan merosakkan iman;

b. memelihara diri daripada perkara-perkara yang membatal dan memrosakkan iman; dan

c. memahami cara-cara bertaubat dan menghayatinya.

2.2 Isi

a. Perkara yang membatalkan iman:

i) Syirik.

ii) Kufur.

iii) Riddah.

iv) Khurafat.

v) Sihir.

vi) Nifaq.

b. Dosa-dosa besar yang merosakkan iman:

i) Menghina dan menderhakai ibu bapa.

ii) Riba.

iii) Mencuri.

iv) Menipu.

v) Minum arak dan menagih dadah.

vi) Berzina/ liwat/ musahaqah.

vii) Membunuh manusia.

viii) Memakan harta anak yatim.

ix) Lari dari medan perang.

x) Menuduh zina.

c. Taubat dan cara-caranya.

i) Konsep taubat.

ii) Dalil.

iii) Cara-cara bertaubat.

iv) Hikmat bertaubat.

2.2 Ibadat

2.2.1 Objektif

Setelah mempelajari ibadat Tingkatan 4, pelajar dapat:

a. memahami falsafah haji;

b. memahami konsep ibadat haji dan cara mengerjakannya;

c. memahami Institusi Haji di Malaysia;

d. memahami prinsip-prinsip asas muamalat Islam, dan

e. mengetahui kaifiat sembelihan dan hikmamtnya.

2.2.2 Isi

a. Falsafah Haji.

b. Konsep Haji dan cara mengerjakannya.

c. Institusi pengurusan haji di Malaysia.

d. Prinsip asas muamalat dan kepentingannya.

e. Sembelihan, qurban dan aqiqah serta fadilatnya.

2.3 Tamadun Islam

2.3.1 Objektif

Setelah mempelajari tamadun Islam Tingkatan 4, pelajar dapat

a. memahami dan mencontohi Khulafa' Al-Rasyidin dalam mengembangkan tamadun Islam; dan

b. mengenal dan mencontohi tokoh-tokoh yang menyumbang kepada pembinaan tamadun Islam.

2.3.2 Isi

a. Dasar penyebaran Islam di zaman Khulafa' Al-Rasyidin:

i) Ciri-ciri kepimpinan Khulafa' Al-Rasyidin.

ii) Sistem pentadbiran Khulafa' Al-Rasyidin.

b. Tokoh-tokoh Islam:

i) Imam Abu Hanifah r.a.

ii) Imam Malik r.a.

iii) Imam Syafie r.a.

iv) Imam Ahmad Ibnu Hambal r.a.

v) Imam Ghazali r.a.

vi) Imam Bukhari r.a.

## 3.0 Akhlak Islamiah

3.1 Objektif:

Setelah mengikuti Pendidikan Akhlak Islamiah di sekolah menengah pelajar boleh:

a. menyedari dan memahami asas akhlak Islamiah yang berteraskan

Al-Quran dan As-Sunnah;

b. menyatakan sebab dalam membuat sesuatu keputusan dan tindakan berdasarkan syariat Islam;

c. menyedari dan memahami serta dapat membezakan di antara kelakuan yang mulia dengan kelakuan buruk yang menjadi amalan masyarakat Malaysia;

d. menghayati nilai murni dan sifat mahmudah dalam kehidupan harian; dan

e. mengamalkan akhlak Islamiah dalam kehidupan harian.

3.2 Isi:

a. Asas Akhlak Islamiah berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

b. Falsafah, makna, hikmah dan fadhilat setiap amalan baik yang dilakukan.

c. Perbezaan di antara yang baik dengan yang buruk, bahagia dengan sengsara, mulia dengan hina, benar dengan salah dan terpuji dengan keji.

d. Penghayatan nilai murni dan sifat-sifat mahmudah dalam kehidupan harian.

e. Perilaku mulia dan beradab berdasarkan nilai-nilai dalam Lampiran 'A'.

# TINGKATAN 5

## 1.0 Tilawah Al-Quran

### 1.1 Objektif

Setelah mempelajari Tilawah al-Quran Tingkatan 5, pelajar dapat:

a. membaca ayat-ayat Al-Quran dengan bacaan tartil;

b. menghafaz ayat-ayat tertentu daripada surah At-Taubah, surah An- Nur dan surah Al-Hasyr dengan bacaan tadwir; dan

c. memahami pengertian, hikmat, pengajaran ayat-ayat di atas dan menghayatinya.

### 1.2 Isi

a. Ayat Bacaan:

i) Surah at-Taubah ayat 1 hingga 129.

ii) Surah An-Nur, ayat 1 hingga 38.

iii) Surah As-Sajdah, ayat 1 hingga 30.

iv) Surah Al-Hasyr, ayat 1 hingga 24.

b. Ayat Hafazan:

i) Surah At-Taubah ayat128 hingga 129;

ii) Surah An-Nur, ayat 35;

iii) Surah Al-Hasyr, ayat 21 hingga 24.

c. Ayat Kefahaman:

i) Surah at-Taubah ayat 6, 128 hingga 129;

ii) Surah An-Nur, ayat 30, 31 dan 35.

iii) Surah Al-Hasyr, ayat 21 hingga 24.

iv) Surah As-Sajdah ayat: 15 hingga 16.

## 2.0 'Ulum Syar'iyah

2.1 Aqidah

2.1.1 Objektif:

Setelah mempelajari aqidah Tingkatan 5, pelajar dapat:

a. memahami dan meyakini aqidah berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah; dan

b. mengenalpasti kepercayaan yang menyeleweng dan sesat.

2.1.2 Isi:

a. i) Pengenalan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

ii) Prinsip aqidah berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

b. Ciri-ciri ajaran sesat dan menyeleweng:

i) Syiah

ii) Qadyani

iii) Bahai

2.2 Ibadat

2.2.1 Objektif:

Setelah mempelajari ibadat Tingkatan 5, pelajar dapat:

a. memahami konsep perkahwinan dalam Islam.

b. mengetahui keunggulan sistem kekeluargaan dalam Islam.

2.2.2 Isi

a. Konsep perkahwinan.

i) Perkahwinan dan hikmamtnya;

ii) Kaifiat perkahwinan mengikut Islam,

iii) Tanggungjawab suami, isteri, ibu dan bapa.

iv) Talak, rujuk, iddah, nusyuz, fasakh, khuluk dan zihar.

v) Poligami.

vi) Kemahiran keibu bapaan.

b. Isu-isu semasa berkaitan kekeluargaan.

i) HIV dan AIDS.

ii) Mut'ah (Nafkah)

iii) Wali hakim.

iv) Anak luar nikah.

v) Akta kekeluargaan

vi) Kahwin mutaah.

vii) Lain.

2.3 Tamadun Islam

2.3.1 Objektif

Setelah mempelajari Tamadun Islam Tingkatan 5, pelajar dapat:

a. memahami perkembangan, kemajuan Islam di zaman Bani Umaiyah dan Bani Abbassiah, dan

b. mengenal serta mencontohi tokoh-tokoh yang menyumbang kepada pembinaan tamadun Islam.

2.3.2 Isi

a. Perkembangan Islam di zaman Bani Umaiyah dan Bani Abbassiah.

i) Penyebaran Islam.

ii) Ketenteraan.

iii) Pendidikan.

iv) Kehakiman.

v) Perekonomian.

vi) Perkembangan ilmu pengetahuan.

vii) Semangat dan jihad.

viii) Sains dan teknologi

b. Tokoh-tokoh Islam.

i) Ibnu Sina.

ii) Ibnu Khaldun.

iii) Shah Waliullah.

iv) Jamaludin Al-Afghani.

v) Muhammad Abduh.

vi) Hamka.

vii) Sheikh Tahir Jalaluddin.

**Akhlak Islamiah**

3.1 Objektif:

Setelah mengikuti Pendidikan Akhlak Islamiah di sekolah menengah pelajar boleh:

a. menyedari dan memahami asas akhlak Islamiah yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah;

b. menyatakan sebab dalam membuat sesuatu keputusan dan tindakan berdasarkan syariat Islam;

c. Menyedari dan memahami serta dapat membezakan di antara kelakuan yang mulia dengan kelakuan buruk yang menjadi amalan masyarakat Malaysia;

d. menghayati nilai murni dan sifat mahmudah dalam kehidupan harian; dan

e. mengamalkan akhlak Islamiah dalam kehidupan harian.

3.2 Isi:

a. Asas Akhlak Islamiah berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

b. Falsafah, makna, hikmah dan fadhilat setiap amalan baik yang dilakukan.

c. Perbezaan di antara yang baik dengan yang buruk, bahagia dengan sengsara, mulia dengan hina, benar dengan salah dan terpuji dengan keji.

d. Penghayatan nilai murni dan sifat-sifat mahmudah dalam kehidupan harian.

e. Perilaku mulia dan beradab berdasarkan nilai-nilai dalam Lampiran 'A'.

LAMPIRAN : KERATAN AKHBAR

# Menilai keberkesanan kurikulum pendidikan

**PENDIDIKAN adalah suatu proses dinamik dan sentiasa berkembang. Oleh itu, penilaian semula terhadap seluruh sistem pendidikan dari semasa ke semasa amat wajar dilakukan. Reformasi pendidikan bagi menyahut cabaran Wawasan 2020 sudah wajar dilaksanakan. Sebagai fenomena universal, pendidikan dianggap sebagai satu institusi penerusan kewujudan sesuatu masyarakat. DIN YAACOB menulis mengenai perlunya penilaian semula itu.**

FAKTOR penting yang menggerakkan kelancaran sistem pendidikan ialah guru atau pendidik. Guru adalah kumpulan pelaksana pendidikan formal yang diamanahkan untuk merancang, melaksana dan menilai kesan pengajaran dan pembelajaran. Oleh kerana tanggungjawab guru terhadap kejayaan misi dan pengisian wawasan pendidikan adalah tinggi maka wajarlah program pendidikan guru sentiasa dikemas kini supaya selaras dengan perubahan pesat yang berlaku dalam sistem pendidikan negara.

Dari segi penyediaan guru, falsafah Pendidikan Negara berhasrat menyediakan guru yang seumur hidupnya mencari ilmu dan mengamalkannya serta boleh menjadi model kepada insan terdidik pelajar dan masyarakat.

Perancangan dan pelaksanaan pendidikan guru dalam kurikulumnya mengambil kira mat lamat menyediakan guru berkualiti yang dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai guru yang berkesan. Antaranya guru yang berpengetahuan, berkemahiran mempunyai nilai murni serta bersikap positif.

Situasi yang jelas dan kerap diperdebatkan ialah program pendidikan guru. Ini sudah pasti membabitkan kurikulum pendidikan guru itu sendiri. Malah dikatakan kritikan terhadap bakal guru yang terhasil daripada kurikulum pendidikan guru ini; banyak kelemahannya. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah:

- Kurang pendedahan kepada pengurusan aktiviti kokurikulum;
- Kurang kemahiran menjalankan aktiviti sukan;
- Tidak memahami peraturan dan disiplin sekolah;
- Kurang yakin mengawal disiplin bilik darjah;
- Kurang pengalaman mengenai masalah yang wujud di sekolah;
- Kursus terlalu berpusatkan kepada teori dan kurang amalan latihan;
- Tidak cukup kemahiran dalam pengajaran; dan
- Kurang kemahiran sosial.

Bersandarkan kritikan dan persoalan pendidikan guru masih belum mencapai tahap penghasilan guru berkualiti, maka perubahan dalam kurikulum pendidikan guru harus dilakukan.

Pendapat ini turut diketengahkan oleh Asiah Abu Samah (1992) yang menyatakan matlamat pendidikan guru di Malaysia kini adalah untuk melahirkan guru yang dapat menyesuaikan diri dengan dunia luar yang mencabar dan tidak lagi dikongkong oleh semangat kedaerahan. Mereka harus bersikap ter-

Kothagen (1988), Shahrir dan Shahril (1989) menyatakan guru adalah permulaan yang berkesan dan perlu menjadi pengamal yang mahir serta dapat membuat refleksi secara kritis mengenai pedagoginya. Idea ini disokong oleh Reynolds (1988) bahawa guru permulaan perlu memiliki pengetahuan mengenai pelajaran yang diajar dan mempunyai kemahiran analitikal dalam mendapatkan maklumat mengenai murid dan sekolah. Ini dipersetujui oleh Glasser (1993) dalam *The Quality of Teacher* yang menyatakan guru seharusnya sentiasa memimpin dan menggalak dan tidak memerintah.

Wan Zahid Mohd Nordin (1993) menyenaraikan beberapa ciri guru yang amat rapat kaitannya dengan kejayaan seseorang guru sebagai pengurus dan pemimpin pendidikan. Oleh itu, seseorang guru adalah juga seorang pemimpin dan pengurus pembelajaran di bilik darjah.

Antara ciri yang diperlukan oleh guru ialah menamik, asertif dan sentiasa menilai hasil kerja dan menilai diri sendiri.

Namun, ada beberapa andaian bahawa guru yang dilatih menguasai ilmu bidang pengajaran yang hendak diajarkan di sekolah. Mereka hanya perlukan kaedah. Oleh itu, timbullah beberapa masalah misalnya guru sains yang kurang pengetahuan sains dan guru bahasa yang kurang pengetahuan dalam bahasa.

Shulman (1986) menggambarkan mengenai ke-

LAMPIRAN : KERATAN AKHBAR

# PM arah pendidikan Islam dirombak semula

Oleh ZULKIFLI JALIL

UM: 28/1/97

KUALA LUMPUR 27 Jan. – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan kurikulum dan pendekatan pendidikan Islam dirombak semula bagi menimbulkan ketahanan dalaman di kalangan pemuda-pemudi negara untuk menangani gejala sosial yang melanda masyarakat kebelakangan ini.

negatif dan sosial yang melanda masyarakat khususnya muda mudi di negara ini.

Katanya, Pusat Islam akan mengendalikan perjumpaan selepas bulan Ramadan ini bagi memikirkan keperluan mendidik kanak-kanak dan remaja untuk sampai kepada matlamat membentuk individu yang bersahsiah dan berakhlak tinggi di samping mempunyai ketahanan dalaman.

Perdana Menteri telah memuone-

landa generasi muda hari ini berpunca akibat kelonggaran ketahanan dalaman pemuda-pemudi.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menghadiri majlis berbuka puasa bersama kanak-kanak yatim Darul Kifayah di Kompleks Darul Kifayah di sini petang ini.

Dr. Abdul Hamid menumbah, Perdana Menteri menekankan bahawa pendidikan sebenar bermula di rumah kerana guru mampu mendidik

# Kurikulum semakan dilaksanakan 2001

Khamis BH 4/11/99 hal. 23.

KEMENTERIAN Pendidikan meletakkan sasaran 2001 untuk melaksanakan secara serentak kurikulum semakan yang menggunakan pendekatan keluaran sebelum menguji keberkesanannya dalam empat peperiksaan umum.

Kurikulum semakan itu akan diguna pakai untuk pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar tingkatan satu dan tingkatan empat serta murid tahun satu dan tahun empat.

Pengujiannya akan bermula dengan pelajar tingkatan empat tahun 2001 yang akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setahun selepas itu manakala ujian menerusi Penilaian Menengah Rendah (PMR)

## Seminar Profesionalisme Kaunselor Pelajar Ke-2 di IAB

Katanya, strategi semakan kurikulum itu dilakukan dalam empat fasa iaitu Fasa 1 (Mei hingga Julai 1999) untuk pengenalpastian keperluan semakan, Fasa 2 (Ogos hingga Disember 1999) untuk pengubahsuaian kurikulum, Fasa 3 (Januari hingga Disember 2000) untuk persediaan pelaksanaan dan Fasa 4 (2001) untuk pelaksanaan serentak.

"Jawatankuasa Kurikulum Pusat kini di peringkat pengubahsuaian kurikulum iaitu proses yang mengambil kira keperluan perkem-

ketika membentangkan kertas kerja di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, baru-baru ini.

Beliau membentangkan kertas kerja bertajuk Penyemakan Semula Kurikulum Persekolahan di Seminar Profesionalisme Kaunselor Pelajar Kali Kedua 1999.

Dr Sharifah Nor berkata, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah meletakkan matlamat penyemakan semula kurikulum berbentuk penyesuaian dan bukannya rombakan kurikulum.

datang.

"Sebahagian daripada kandungan kurikulum juga digugurkan jika tidak selari dengan keperluan semasa atau masa depan dan sebahagian daripadanya dikurangkan atau menambah dan dipindahkan ke tahap yang lebih sesuai," katanya.

Menurut Dr Sharifah Nor, kurikulum bermaksud suatu pengalaman pembelajaran yang terancang ke arah mencapai hasrat penghasilan yang ditentukan.

Katanya, Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (Unesco) menyarankan pendidikan untuk alaf baru mestilah berkonsepkan pembelajaran seumur hidup dengan empat

**LAMPIRAN : KERATAN AKHBAR**

# Pendidikan Islam sekolah menengah dikemas kini

BH: 23/9/95

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kementerian Pendidikan serta Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (Istac) akan mengemas kini kurikulum pendidikan Islam sekolah menengah untuk melahirkan pelajar berpendidikan dan bermoral.

Menterinya, Datuk Seri
Najib Tun Raz
usaha itu akan
melalui dialog
antara pegawa
pendidikan ke
dengan Istac, d
ke semasa.

Menurutnya
itu perlu bag
kan pelajar y
matkan pers
mempunyai a
tahuan dan m
didikan fardl
cara lebih lua

"Saya akan
kan bahagian
rian mengada
dengan Istac
kurikulum p
Islam untuk m
kan pengetah
pelajar.

"Pendidikan
pat melahirka
yang mempun
tahuan luas

Islam untuk menghadapi cabaran semasa dan tidak mencakupi bidang agama sahaja.

"Cabaran ledakan maklumat dan perubahan teknologi menuntut pelajar supaya lebih bersedia menghadapi cabaran yang semakin hebat ini," katanya kepada pembe-

pengetahuan dalam bidang berkenaan.

Menurutnya, usaha itu dapat menyatukan pengetahuan mengenai ilmu dan mengatasi percanggahan tafsiran mengenai Islam oleh pihak tertentu yang mendakwa Islam berkaitan bidang agama sahaja

# Kementerian mahu selaras kurikulum Pendidikan Islam

BH: 16/11/95

KEMENTERIAN Pendidikan akan berbincang dengan Pusat Islam untuk menyelaraskan kandungan kurikulum Pendidikan Islam dan dan fardu ain sebagai langkah mencegah berlaku masalah buta al-Quran di kalangan pelajar.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata perbincangan akan dibuat bagi menyelaraskan. kandungan fardu ain yang diajar di sekolah dengan Kursus al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) yang dicadang dan dijalankan oleh Pusat Islam.

Katanya, masalah buta al-Quran bergantung kepada kandungan kurikulum pendidikan Islam yang dilaksanakan, termasuk fardu ain serta kelas tambahan yang wujud di sekolah agama rakyat.

Menurutnya, perkara itu tidak ada kaitan dengan Akta Pendidikan 1961 kerana akta menggariskan dasar mengenai pendidikan manakala pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dibuat berdasarkan kandungan kurikulum.

"Menerusi Pendidikan Islam yang ada sekarang tidak harus timbul lagi ada individu yang buta al-Quran kerana kita sentiasa mengkaji kurikulumnya.

"Bagaimanapun, kita akan berbincang dengan Pusat Islam untuk menyelaraskan perkara ini, termasuk fardu ain yang diajar di sekolah dan Kafa yang dicadang dan dijalankan oleh Pusat Islam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan, semalam.

Baru-baru ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, menganggarkan kira-kira 200 000 penduduk Islam yang berusia antara 35 hingga 45 tahun tidak boleh membaca al-Quran.

Katanya, perkara itu berlaku kerana Akta Pendidikan 1961 memberi penekanan kepada mata pelajaran Sains dan Matematik dan tindakan ibu bapa yang menitikberatkan kedua-dua mata pelajaran itu serta tidak menyuruh anak mereka mengikuti kelas membaca al-Quran.

Mengenai penggunaan telefon bimbit di sekolah, Najib berkata, beliau tidak bersetuju tindakan guru membawa alat telekomunikasi itu ke dalam bilik darjah kerana mereka sepatutnya mengajar pada waktu itu.

Beliau menganggap tindakan sesetengah guru yang berbuat demikian sebagai keterlaluan. Sehubungan itu, katanya, Kementerian Pendidikan akan mengkaji saranan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengenai perkara berkenaan.

# olice detain 9 students for laying truant

THE STAR

MON KHOO

LING JAYA: Police rday detained 39 stu- , including four girls, skipping school in a at five cyber cafes in SS15/8B, Subang here early yesterday.

the operations which for more than two , several plainclothes emen from the Su- Jaya police station, to survey the outlets e moving in.

ief Insp. Ong Chin led the operation 10 officers in the sence of an official the district education artr

caught

At least three students, who were rounded up in the raid, managed to escape as they were being led to waiting cars.

All the students were taken to the police station to have their particulars recorded.

Two of them were found to be in possession of cigarettes in their bags.

Deputy OCPD Asst Comm Hussin Ismail said the students, from six secondary schools in the Subang Jaya vicinity, were found playing truant.

"The students, ranging

"We have taken down their particulars and informed the disciplinary

He said police did not have the authority under the existing by-laws to

ities and whereabouts," he said.

He added that the police assis- tudents such school



*CAUGHT IN THE ACT ... these students were detained at several cyber cafes in Subang Jaya yesterday.*

# Pelajar terlibat kes bunuh

MM: 5/1/97

KUALA TERENGGANU 4 Jan. – Penglibatan pelajar sekolah negeri ini dalam kes bunuh dan dadah menunjukkan peningkatan yang membimbangkan, demikian menurut Ketua Polis Negeri, Datuk Idris Wahid.

Beliau berkata, bagi tahun 1995 jumlah tangkapan juvana bagi kes bunuh ialah empat orang tetapi tidak membabitkan pelajar sekolah.

Bagaimanapun katanya, untuk tahun 1996 jumlah pembabitan dalam kes yang sama juga sebanyak empat tetapi membabitkan seorang pelajar sekolah.

"Bagi kes samun tanpa senjata api pada tahun 1995 membabitkan dua pelajar berjaya ditangkap manakala dua pelajar lain ditangkap berhubung kes rogol," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Untuk tahun 1996, jelas beliau, seorang pelajar terbabit kes rogol (dari lima juvana) dan empat pelajar terbabit dalam kesalahan Seksyen 324 dan 326 Kanun Keseksaan iaitu menyebabkan kecederaan menggunakan senjata berbahaya.

Menurutnya, penglibatan juvana dalam jenayah agak membimbangkan apabila dari 165 orang juvana yang ditangkap pada tahun 1995, hanya 19 orang atau 11.52 peratus masih bersekolah dan bagi tahun 1996 pula jumlah itu menunjukkan peningkatan yang membimbangkan," katanya.

Menurut beliau, bagi tahun 1996 dari seramai 499 orang yang ditangkap, 188 orang adalah juvana atau 37.7 peratus.

Jelasnya, dari jumlah 188 juvana itu, sebanyak 97 orang (19.44 peratus) adalah pelajar sekolah.

"Bagi jenayah harta benda pula, dari 164 juvana yang terlibat pada tahun 1995, telah meningkat kepada 174 orang (tahun 1996).

LAMPIRAN : KERATAN AKHBAR



MUSNAH... Melina dan Khoo memeriksa sisa kebakaran bilik guru SMKB, Kulai, semalam. – Gambar oleh Zain Ahmad

BH Kaku 30/6/99

# Enam remaja disyaki bakar bilik guru ditahan

JOHOR BAHRU, Selasa – Polis menahan enam remaja termasuk dua pelajar Sekolah Menengah Kulai Besar (SMKB) kerana disyaki terbabit dalam kejadian membakar bilik guru dan bilik percetakan di sekolah itu, dekat sini, Ahad lalu.

Ketua Polis Johor Bahru, Asisten Komisioner Kanan II Zaini Md Hashim, berkata remaja terbabit ditahan di sekitar Kulai, petang semalam, selepas polis menjalankan gerakan mengesan mereka yang dipercayai terbabit dalam kejadian itu.

Menurutnya, mereka yang lanjut mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah yang membolehkan polis menahan mereka selama 14 hari untuk siasatan.

"Polis masih menjalankan siasatan terhadap remaja itu bagi memastikan sama ada mereka ini terbabit dalam kumpulan kongsi gelap," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Beliau berkata, polis juga menjalankan gerakan menahan sekumpulan remaja lagi yang dipercayai masih bebas untuk siasatan lanjut berhubung kejadian berkenaan.

Dalam kejadian Ahad lalu, ramai yang melihat kejadian itu supaya menghubungi polis bagi membolehkan tindakan susulan hingga mereka yang bertanggungjawab dikenakan tindakan.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kulai, Khoo Che Wat, mengumumkan kerajaan negeri melalui pejabat Kemajuan Negeri Johor menyalurkan bantuan serta merta RM20,000 kepada sekolah berkenaan.

"Kita akan minta pihak yang berkenaan menjalankan kerja membaik pulih bangunan itu dengan segera," kata- Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan Masyarakat negeri, Halimah Mohamed Sadique, pula menegaskan remaja masa kini perlu diawasi rapi terutama di kalangan ibu bapa.

Menurutnya, tindakan membakar bilik darjah dan merosakkan harta benda sekolah seolah-olah menunjukkan remaja sekarang tiada lagi tatasusila serta menampakkan unsur keganasan.

"Berikutan kejadian itu, pengurusan sekolah serta polis harus menyiasat lebih terperinci sama ada pelajar sekolah berkenaan turut ter-

**UNIVERSITI MALAYA**
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan
50603 Kuala Lumpur

*Faculty of Business and Accountancy*
*50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA*

Tel: (603) 759 3633
Fax (603) 756 7252

21 Jun 1999

Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Pusat Bandar Damansara
50604 Kuala Lumpur

Tuan,

**Memohon Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Jabatan-Jabatan Pendidikan dan Bahagian-Bahagian di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia**

Pembawa surat ini **MOHAMAD MALIKI B. ALI** No. Kad Pengenalan **690103-11-7051** dan No. Matrik **CGB98034** seorang penuntut yang sedang mengikuti kursus bagi ijazah Sarjana Pengurusan (MM), program kembar IAB-UM di Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya. Bagi memenuhi satu daripada kehendak-kehendak kursus ini beliau dikehendaki menyediakan satu Kertas Projek bertajuk: "**KEBERKESANAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM KBSM TERHADAP MASALAH AKHLAK DAN DISIPLIN PELAJAR: SATU KAJIAN DI SEK. MEN. KEB. DAERAH PETALING, SELANGOR.**". Penyelidikan penuntut ini dijalankan di bawah penyeliaan **PROF. MADYA DR. PAZIM @ FADZIM OTHMAN** dari Fakulti ini. Kami sangat berbesar hati jika tuan/puan dapat memberi kerjasama yang sewajarnya untuk membolehkannya mengumpulkan maklumat-maklumat bagi menulis Kertas Projek tersebut. Atas kerjasama tuan/puan itu saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

**SAZALI KAMARUDDIN**
Penolong Pendaftar

**INSTITUT AMINUDDIN BAKI**
*(NATIONAL INSTITUTE OF EDUCATIONAL MANAGEMENT AND LEADERSHIP)*
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
*(MINISTRY OF EDUCATION, MALAYSIA)*
SRI LAYANG,
69000 GENTING HIGHLANDS
PAHANG DARUL MAKMUR

Tel.: 03-2102422
Fax: 03-2103344
E-Mail: iab@iab.moe.gov.my

Ruj Tuan *(Your Ref):*

Ruj. Kami *(Our Ref):*

KP.IAB 12/375/10/(67)
12 JULAI 1999

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Tuan,

**Kebenaran menggunakan Sampel Kajian Di Kalangan Guru/Pelajar/Kakitangan**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar IAB-UM yang sedang mengikuti kursus "*Master of Management*" di Universiti Malaya akan menggunakan sebahagian pelajar/guru/ kakitangan sekolah sebagai sampel untuk kajian yang akan dijalankan. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak tuan untuk memberikan kelulusan kepada pelajar yang terlibat amat dialu-alukan.

3. Bersama surat ini dilampirkan surat kelulusan menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) untuk makluman tuan.

4. Atas kerjasama dan pertimbangan pihak tuan diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(Dr. MAHESWARI KANDASAMY)**
b.p. Pengarah
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia

*Perayaan IAB 20 Tahun*
*Membina Insan, Membangun Organisasi*
*Mengembang Tubuh Ilmu Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan*

**INSTITUT AMINUDDIN BAKI, KAMPUS CAWANGAN UTARA**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
**06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN**
**Tel.: 04-9175011 Fax: 04-9161243**
**E.mail: iab utara@tm.net.my**

**(Sila catatkan rujukan Kementerian ini apabila berhubung)**

جابتن ڤنديديقن سلاڠور
**JABATAN PENDIDIKAN SELANGOR**
Jalan Jambu Bol 4/3E,
Seksyen 4,
40604 Shah Alam,
Selangor.

Telefon : 03 559 8843
Fax : 03 550 2133

---

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: Bil.(4)dlm.JPS.41989/
Jld.46

Tarikh: 6 September 1999

En.Mohamad Maliki bin Hj. Ali,
No.57, Jalan 2,
Taman Dato Harun,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

**KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN KE SEKOLAH-SEKOLAH**

Tajuk : "Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM Terhadap Masalah Akhlak Dan Disiplin Pelajar. Satu Kajian Di Sek.Men.Keb.Daerah Petaling, Selangor.

**Berdasarkan kepada surat : KP(BPPDP)13/15/Jld.50.(343)**
**Bertarikh : 24 Jun 1999.**

Surat tuan bertarikh 28 Ogos 1999 berhubung perkara di atas adalah dirujuk dan sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini tiada halangan pihak tuan menjalankan kajian tersebut di sekolah-sekolah menengah di Daerah Petaling mulai 10 September 1999 hingga 19 November 1999 (senarai nama sekolah dilampirkan).

2. Walau bagaimanapun persetujuan daripada Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat hendaklah diperolehi terlebih dahulu supaya beliau dapat berkerjasama dan seterusnya memastikan bahawa kajian yang dijalankan hanya bertujuan sebagaimana yang tuan nyatakan itu sahaja tanpa melibatkan sebarang gangguan terhadap perjalanan sekolah serta tiada unsur-unsur paksaan semasa kajian berkenaan dijalankan. Adalah diingatkan bahawa Pengetua berhak menerima/menolak program tuan.

3. Tuan juga diminta supaya menghantar senaskah hasil kajian tuan ke Bahagian (Unit Perhubungan Dan Pendaftaran) ini sebaik sahaja selesai kajian kelak.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(MUHD ARIFFIN BIN YAAKOB)**
b.p. Pendaftar Sekolah-Sekolah
Negeri Selangor Darul Ehsan

s.k. 1. Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
Jabatan Pendidikan Selangor
2. Pegawai Pendidikan Daerah Petaling.
3. Semua Pengetua,
Sekolah-sekolah yang terlibat didalam kajian ini.
4. Penyelaras Program MM,
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan,
UM.
5. Fail.

MAY/ira..

SENARAI NAMA SEKOLAH YANG TERLIBAT DIDALAM KAJIAN INI

1. SMK. Sultan Abdul Aziz Shah.
2. SMK. Taman Dato'Harun.
3. SMK. Taman Medan.
4. SMK. Subang Utama.
5. SMK. Seafield.
6. SMK. Seksyen 24, Shah Alam.
7. SMK.SS 17, Subang Jaya.
8. SMK. Bandar Sunway, Subang Jaya.
9. SMK. Assunta, Petaling Jaya.
10. SMK. La Salle, Petaling Jaya.
11. SMK.(P) Sri Aman, Petaling Jaya.
12. SMK.Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya
13. SMK.Teknik Shah Alam.

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN
DASAR PENDIDIKAN (BPPDP),
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PARAS 2,3 & 5, BLOK J
PUSAT BANDAR DAMANSARA.
50604 KUALA LUMPUR.

Telefon : 03-2583204
Faks : 03-2554960

Ruj. Kami : KP(BPPDP) 13/15 Jld.50(343 )
Tarikh : 24 Jun 1999

En. Mohamad Maliki bin Haji Ali,
57, Jalan 2,
Taman Dato' Harun,
46000 Petaling Jaya,
SELANGOR.

Tuan/Puan,

**Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia**

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

> "Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM Terhadap Masalah Akhlak Dan Disiplin Pelajar. Satu Kajian Di Sek.Men.Keb.Daerah Petaling, Selangor"

diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan negeri yang berkenaan. Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan kajian tuan/puan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan puan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. AMIR BIN MOHD SALLEH)
b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

sk.

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

Penyelaras Program MM,
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan,
UM.